

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL  
[ JELEBU ]**

**TARIKH : 15.6.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Zainudin bin Ismail [ Jelebu ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-**

- (a) apakah masih ada kursus-kursus yang ditawarkan di universiti tempatan yang masih belum lagi menerima sijil pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan nyatakan bilangan kursus berserta nama kursus tersebut; dan
- (b) apakah prosedur yang perlu dilalui oleh pihak universiti bagi memohon pengiktirafan kursus yang ditawarkan daripada pihak MQA dan berapa lamakah proses ini diambil dan setelah diluluskan, apakah status kelulusan sijil para pelajar yang telah tamat pengajian sebelum kursus yang diikuti mereka menerima pengiktirafan MQA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Agensi Kelayakan Malaysia(MQA) memberi Perakuan Akreditasi kepada kursus pengajian yang dijalankan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) bukannya pengiktirafan. Bagi kursus-kursus pengajian yang dijalankan oleh PPT yang telah mendapat Akreditasi Sementara, PPT perlu memohon untuk mendapatkan Akreditasi Penuh apabila kursus pengajian telah mencapai tempoh matang berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan.

Berdasarkan data MQA sehingga 4 Jun 2015, kursus-kursus yang masih belum mendapat Perakuan Akreditasi Penuh adalah sebanyak 1804 kursus pengajian dari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) termasuk antaranya dari institusi pengajian di bawah penyeliaan Kementerian Sumber Manusia dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Senarai kursus-kursus tersebut meliputi kursus yang telah diluluskan Akreditasi Sementara atau masih dalam proses permohonan Akreditasi Penuh.

- (b) Bagi permohonan Akreditasi Penuh, PPT perlu mengemukakan permohonan kepada MQA. Setelah melalui proses penilaian, sesuatu kursus pengajian itu akan diberikan Sijil Memenuhi Keperluan Kualiti, (*Certification of Quality Compliance*, CQC) untuk membolehkan permohonan kelulusan pengendalian program dimohon dari KPM. Sebaik sahaja mendapat kelulusan (tempoh kelulusan 5 tahun) menjalankan kursus pengajian dari KPM, PPT hendaklah membuat permohonan Akreditasi Sementara kepada MQA.

Selanjutnya, PPT bertanggungjawab mengemukakan permohonan untuk mendapatkan Akreditasi Penuh apabila kumpulan pertama pelajar kursus pengajian berkenaan berada di tahun akhir/kohort akhir pengajian. Untuk tujuan itu, satu lawatan penilaian oleh Panel Penilai ke PPT akan diadakan sebelum diberikan Akreditasi Penuh.

Mengikut piagam pelanggan MQA, tempoh bagi memproses permohonan Akreditasi Sementara adalah 3 bulan 3 minggu manakala Akreditasi Penuh adalah selama 7 bulan.

Secara amnya, bagi kursus pengajian yang tidak mendapat Akreditasi Penuh maka kelayakan yang diperolehi tidak akan diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertindak sebagai urus setia Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) yang dahulunya diurusetikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

RJM95